

**MENGENALPASTI KECENDERUNGAN PENSYARAH
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
DALAM MEMBUAT PEMILIHAN KERETA**

NAMA	NO PENDAFTARAN
HALIZA BINTI SIDA	08DPM 06F843
NURDIANA JUITA EDAYU BINTI ZULKAFI	08DPM 06F834
NURUL ASYIKIN BINTI ABD RAZAK	08DPM 06F824
FAEZAH BINTI ZAHRI	08DPM 06F833
NOR ASNIDA BINTI HUSSIN	08DPM 06F812

Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan.

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK


Laporan projek bertajuk “Mengenalpasti Kecenderungan Pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Dalam Membuat Pemilihan Kereta ” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan Penulisan Projek seperti yang telah ditetapkan.

Di semak Oleh :
NORZAITI AKTAR BINTI MOHAMED
Pensyarah
Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah

Nama penyelia :
Tandatangan Penyelia :
Tarikh : 13 MESEMBER 2007

Di sahkan Oleh :
Nama penyelarar :
Tandatangan Penyelarar :
Tarikh :

“Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”

1. Tandatangan : 
Nama : Haliza Binti Sida
No Pendaftaran : 08DPM 06F843
Tarikh : 3 DISEMBER 2007
2. Tandatangan : 
Nama : Nurdiana Juita Edayu Binti Zulkafli
No Pendaftaran : 08DPM 06F834
Tarikh : 3 DISEMBER 2007
3. Tandatangan : 
Nama : Nurul Asyikin Binti Abd Razak
No Pendaftaran : 08DPM 06F82
Tarikh : 3 DISEMBER 2007
4. Tandatangan : 
Nama : Faezah Binti Zahri
No Pendaftaran : 08DPM 06F833
Tarikh : 3 DISEMBER 2007
5. Tandatangan : 
Nama : Nor Asnida Binti Hussin
No Pendaftaran : 08DPM 06F812
Tarikh : 3 DISEMBER 2007

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Ilahi dengan limpah kurnia-Nya, kami mendapat kekuatan untuk menyiapkan sebuah kajian kes yang bertajuk “Mengenalpasti Kecenderungan Pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Dalam Membuat Pemilihan Kereta.

Terlebih dahulu setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada penyelia projek akhir kami, Puan Norzaiti Aktar Mohamed serta pensyarah Modul, Puan Zanita Ismail serta penilai pembentangan projek perniagaan ini iaitu Puan Faridah Jaafar kerana memberikan bimbingan, dorongan dan kerjasama yang amat baik sepanjang tempoh penyelidikan kajian kes ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pensyarah-pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam yang menjadi responden dan banyak membantu dalam menyumbangkan pandangan.

Akhir sekali, kepada keluarga yang dicintai, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan dalam bentuk tunjuk ajar dan kewangan. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan, kami mengucapkan terima kasih di atas segala kerjasama dalam kami menyempurnakan projek akhir ini.

‘SEKIAN, TERIMA KASIH’

MENGENALPASTI KECENDERUNGAN PENSYARAH POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH DALAM MEMBUAT PEMILIHAN KERETA.

oleh

DYNAMIC SOLUTION

Abstrak

Kajian ini dijalankan terhadap pensyarah di semua jabatan dalam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti kecenderungan pensyarah politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dalam membuat pemilihan kereta. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti jenis kenderaan yang digunakan oleh pensyarah PSA. Hasil dapatan menunjukkan bahawa jenis kenderaan yang banyak digunakan oleh pensyarah ialah kereta import. Objektif kedua kajian pula adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan penggunaan kereta di kalangan pensyarah. Hasil dapatan menunjukkan terdapat 5 faktor yang mempengaruhi pemilihan penggunaan kereta tersebut iaitu rekabentuk kereta, saiz ruang dalaman yang luas, ansuran bulanan yang rendah, ciri-ciri keselamatan yang lengkap dan promosi yang berkesan. Objektif kajian seterusnya ialah untuk mengenalpasti persepsi pensyarah-pensyarah PSA terhadap kereta import. Hasil dapatan menunjukkan bahawa persepsi pensyarah adalah lebih cenderung terhadap kereta import berdasarkan faktor minat, harga dan kualiti. Objektif terakhir kajian ini ialah mengenalpasti persepsi pensyarah-pensyarah PSA terhadap kereta nasional. Hasil dapatan menunjukkan pensyarah berpendapat bahawa kereta nasional masih merupakan lambang kemajuan dan kebanggan rakyat walaupun mereka memilih untuk menggunakan kereta import. Data-data yang diperolehi telah dianalisa dengan menggunakan program Microsoft Excel. Secara keseluruhannya didapati bahawa maklumat yang diperolehi penyelidik mengenai rekabentuk kereta, kualiti, harga dan promosi yang dilakukan menjadi faktor yang dapat mempengaruhi pembeli dalam membuat pembelian kereta.

TO IDENTIFY POLYTECHNIC OF SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH LECTURER INTEREST IN CHOOSING A CAR

by

DYNAMIC SOLUTION

Abstrack

This research is to processing towards lecturers in all departments at Polytechnic of Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. This research is done based to identify lecturer interest in choosing a car. The objective of this research is to identify type of cars that has been used by lecturers in Polytechnic of Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. According to the research shows that imported car is the most cars that have been used by lecturers. The second objective is to identify the factors that influence lecturers before making buying decision. According to the research shows that there are five factors that influence lecturers before making buying decision such as car design, wide internal size , low monthly payment, full security, and promotion. The next objective is to identify the opinion of lectures towards imported car. The result shows that the lecturers are more to imported car based on interest, price and quality. The last objective is to identify the opinion of lectures towards national car. According to the research shows that lecturers still think that national car is the symbol of successful country although they are using imported cars. The sources that we have collected are analyzed by using Microsoft Excel program. Totally, we have found that all the information about design, quality, price, and promotion are the factors that will influence buyers before making buying decision.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Halaman Judul	i
	Pengesahan Laporan Projek	ii
	Perakuan Pelajar	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Senarai Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xi
	Senarai Rajah	xiii
 BAB 1	 PENGENALAN	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Kepentingan Kajian	5
	1.4.1 Pengkaji dan Pensyarah	5
	1.4.2 Pengeluar/ Pembekal	6
	1.4.3 Peniaga	6
1.5	Batasan Kajian	6
	1.5.1 Faktor Pendapatan	6
	1.5.2 Faktor Harga	7
	1.5.3 Faktor Jantina	7
	1.5.4 Faktor Promosi	7
	1.5.5 Skop	7
	1.5.6 Limitasi	7

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
1.6	Definisi Istilah	8
	1.6.1 Persepsi	8
	1.6.2 Pensyarah	8
	1.6.3 Pemilihan	8
	1.6.4 Membeli	8
	1.6.5 Kenderaan	9
	1.6.6 Nasional	9
	1.6.7 Import	9
	1.6.8 Iklan	9
	1.6.9 Produk	10
	1.6.10 Harga	10
 BAB 2	 SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pendahuluan	12
	Perbandingan Jualan Kenderaan Jan-Jun 2006	
	Berbanding Jan-Jun 2005	13
2.1	Mengkaji persepsi pensyarah Politeknik	14
	Sultan Sahahuddin Abdul Aziz Shah terhadap	
	penggunaan kereta nasional atau kereta import.	
	2.1.1 Produk	14
	2.1.2 Harga	16
	2.1.3 Kualiti	17
	2.1.4 Penjenamaan	18

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 3	METODOLOGI	
3.0	/ Pendahuluan /	19
3.1	/ Reka Bentuk Kajian /	19
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	20
	3.2.1 Data Primer	20
	3.2.2 Data Sekunder	20
3.3	Populasi dan Sampel /	21
3.4	Instrumen Kajian /	21
	Bahagian A	22
	Bahagian B	22
	Bahagian C	22
	Bahagian D	22
	Bahagian E	22
3.5	Tatacara Kajian	23
3.6	Kaedah Penganalisaan Data	24
BAB 4	DAPATAN DAN ANALISA PROJEK	
4.0	Pendahuluan	25
4.1	Analisa Bahagian A : Latar belakang responden	26
4.2	Analisisa Bahagian B : Mengenalpasti jenis kenderaan yang digunakan.	33
4.3	Analisa Bahagian C : Faktor-faktor yang Mempengaruhi pembelian kereta.	36
4.4	Analisa Bahagian D : Persepsi pensyarah terhadap kereta Import.	42

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
4.5	Analisa Bahagian E : Persepsi pensyarah terhadap kereta Nasional.	47
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0	Pendahuluan	52
5.1	Kesimpulan	52
5.2	Mengenalpasti jenis kenderaan yang digunakan.	53
5.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan penggunaan kereta sebelum membuat keputusan pembelian.	53
5.4	Persepsi pensyarah terhadap kereta import.	55
5.5	Persepsi pensyarah terhadap kereta nasional.	56
5.6	Cadangan	58
	5.6.1 Pengeluar	58
	5.6.2 Pemasar	58
	5.6.3 Pensyarah	58

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perbandingan Jualan Kenderaan Jan-Jun 2006 Berbanding Jan-Jun 2005	14
4.1	Jantina Responden	26
4.2	Peringkat Umur Responden	27
4.3	Bangsa Responden	28
4.4	Status Responden	29
4.5	Bilangan Tanggungan Responden	30
4.6	Jabatan Responden	31
4.7	Pendapatan Isi Rumah Responden	32
4.8	Keluaran Kereta Responden	33
4.9	Jenis Kereta Nasional Responden	34
4.10	Jenis Kereta Import Responden	35
4.11	Peratusan faktor reka bentuk kereta mempengaruhi minat membeli.	36
4.12	Peratusan faktor saiz ruang dalaman kereta yang luas menjadi keutamaan untuk membeli.	37
4.13	Peratusan ansuran bulanan yang rendah menjadi faktor pembelian kereta.	39
4.14	Peratusan ciri-ciri keselamatan yang lengkap terdapat pada kereta yang dibeli.	40
4.15	Peratusan promosi yang menawarkan saguhati menarik minat semasa pembelian.	41
4.16	Peratusan responden lebih meminati kereta import berbanding kereta nasional.	42
4.17	Peratusan responden mementingkan jenama kereta import dalam pemilihan kereta kerana ia melambangkan status yang tinggi.	44

4.18	Peratusan berpendapat kualiti kereta import lebih baik daripada kereta nasional.	45
4.19	Peratusan berpendapat harga kereta import yang ditawarkan berpatutan dengan kualitinya.	46
4.20	Peratusan kereta nasional menjadi kebanggaan rakyat.	47
4.21	Peratusan kereta nasional paling laris dalam negeri.	48
4.22	Peratusan kemunculan kereta nasional merupakan lambang kemajuan negara.	49
4.23	Peratusan kereta nasional digemari oleh setiap lapisan masyarakat.	50
4.24	Peratusan kereta nasional lebih menarik dan canggih berbanding dengan kereta import.	51

SENARAI RAJAH

No Rajah	Tajuk	Muka Surat
4.1	Jantina Responden	26
4.2	Peringkat Umur Responden	27
4.3	Bangsa Responden	28
4.4	Status Responden	29
4.5	Bilangan Tanggungan Responden	30
4.6	Jabatan Responden	31
4.7	Pendapatan Isi Rumah Responden	32
4.8	Keluaran Kereta Responden	33
4.9	Jenis Kereta Nasional Responden	34
4.10	Jenis Kereta Import Responden	35
4.11	Peratusan faktor reka bentuk kereta mempengaruhi minat membeli.	36
4.12	Peratusan faktor saiz ruang dalaman kereta yang luas menjadi keutamaan untuk membeli.	37
4.13	Peratusan ansuran bulanan yang rendah menjadi faktor pembelian kereta.	39
4.15	Peratusan ciri-ciri keselamatan yang lengkap terdapat pada kereta yang dibeli.	40
4.16	Peratusan promosi yang menawarkan saguhati menarik minat semasa pembelian.	41
4.16	Peratusan responden lebih meminati kereta import berbanding kereta nasional.	42
4.17	Peratusan responden mementingkan jenama kereta import dalam pemilihan kereta kerana ia melambangkan status yang tinggi.	44
4.18	Peratusan berpendapat kualiti kereta import lebih baik daripada kereta nasional.	45

4.19	Peratusan berpendapat harga kereta import yang ditawarkan berpatutan dengan kualitinya.	46
4.20	Peratusan kereta nasional menjadi kebanggaan rakyat.	47
4.21	Peratusan kereta nasional paling laris dalam negeri.	48
4.22	Peratusan kemunculan kereta nasional merupakan lambang kemajuan negara.	49
4.23	Peratusan kereta nasional digemari oleh setiap lapisan masyarakat.	50
4.24	Peratusan kereta nasional lebih menarik dan canggih berbanding dengan kereta import.	51

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Kenderaan merupakan keperluan asas manusia tanpa mengira tahap sosio ekonomi individu. Kenderaan memberikan kesenangan dan memudahkan manusia dalam menjalankan tugas mereka seharian. Seseorang individu memerlukan kenderaan untuk membolehkan manusia bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Tanpa kenderaan manusia tidak dapat melaksanakan tugas mereka dengan sempurna. Ini kerana kenderaan memberi kepentingan kepada semua pihak.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan industri mereka sentiasa berusaha mengenalpasti permasalahan dan tidak pernah mengabaikan industri automobil nasional, walaupun kemasukan kereta import masih dibenarkan. Namun demikian, pihak kementerian perlu juga mengimbangkan kedudukan industri kereta nasional dengan kemasukan kereta import, memandangkan kerajaan juga mempunyai komitmen untuk membuka pasaran seperti yang diluluskan oleh AFTA.

Selama ini industri automobil negara kita tidak mempunyai satu maklumat jangka panjang yang dapat dijadikan panduan untuk merangka strategi perniagaan dikalangan penggiat industri automobil tempatan. Perubahan kecil daripada aspek penyelarasan struktur duti dan cukai yang diumumkan sebanyak tiga kali sebelum ini dilihat hanya pendekatan jangka pendek kerajaan untuk menghadapi situasi semasa. Misalnya, pengumuman struktur duti yang dilakukan oleh kerajaan pada penghujung tahun 2003 dilihat hanya sebagai langkah menyediakan industri automobil tempatan kepada pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA).

Perubahan struktur cukai kali kedua yang dilakukan pada akhir tahun 2004. Ini diikuti dengan pengumuman rangka Dasar Automotif Negara (DAN) pada Oktober 2005 yang dibuat ekoran keresahan pasaran yang timbul daripada kontroversi isu permit import (AP).

Kini terdapat pelbagai jenis kenderaan di pasaran yang sentiasa berubah mengikut perkembangan industri automotif. Dengan adanya kepelbagaian ini, pembeli dapat membuat pilihan jenis kenderaan mengikut citarasa masing-masing.

1.1 Latar belakang Kajian

Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mendapatkan pendapat, persepsi atau pandangan daripada pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengenai penggunaan kereta import berbanding kereta nasional.

Menurut Kamus Dewan (1998) persepsi adalah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan, kekuatan imiginasi, kepekaan. [2]

Industri automobil di negara ini akan berkembang selaras dengan keadaan ekonomi yang stabil. Negara kita mengeluarkan kereta nasional yang mampu dibeli oleh semua lapisan masyarakat. Lihat sahaja Perodua dengan bayaran ansuran bulanan sekitar RM 400. Kereta tersebut boleh dimiliki dengan mudah. Ini ditambah dengan faktor kemudahan pembiayaan pinjaman kenderaan dengan kadar faedah yang cukup rendah. Malah individu yang layak boleh mendapatkan pinjaman sehingga 9 tahun. Walaubagaimanapun, terdapat segelintir pihak dilihat kurang berminat dalam menggunakan kereta nasional. Antara pihak yang terlibat adalah daripada golongan pertengahan dan atasan seperti doktor, peguam, ahli korporat dan pensyarah.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin memfokuskan kepada golongan pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dalam mengenalpasti penyebab kurangnya penggunaan kereta nasional.

Di Malaysia, faktor model kereta, reka bentuk, harga dan perkhidmatan yang boleh diberi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembeli. Walaubagaimanapun kereta jenis salon/ penumpang merupakan kereta yang diminati oleh pembeli Malaysia. Kereta jenis ini menyumbang 65 peratus daripada kadar penjualan di Malaysia. Ini berbeza dengan penduduk negara jiran Thailand yang lebih menggemari kereta *pick up*.

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam era globalisasi kini, manusia mengikut rentak peredaran zaman yang semakin pesat membangun, tambahan pula pendapatan penduduk yang semakin meningkat mewujudkan golongan pembeli yang berkemampuan akan memilih jenama kenderaan yang bersesuaian dengan citarasa dan faktor pendapatan mereka. Ini merangkumi semua pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang dilihat lebih cenderung menggunakan kereta import berbanding kereta nasional. Ia dapat dilihat melalui kereta yang dipandu oleh pensyarah ke politeknik.

Terdapat beberapa kelemahan pada kereta nasional yang mungkin menjadi penyebab penggunaan kereta import dikalangan pensyarah. Antara kelemahannya ialah dari segi kualiti yang kurang memuaskan, manakala dari segi harga mempunyai perbezaan yang tidak ketara antara kereta import berbanding kereta nasional. Selain itu, kadar faedah pinjaman kereta nasional adalah lebih tinggi berbanding kereta import. Rekabentuk keluaran kereta nasional yang kurang menarik juga menjadi penyebab kepada pemilihan kereta import yang lebih menarik perhatian pembeli.

Di samping itu, akibat daripada dasar kerajaan yang terlalu terbuka dan kurangnya kawalan terhadap pasaran kereta import menyebabkan duti import yang dikenakan adalah rendah. Faktor ini turut mempengaruhi kemampuan golongan pertengahan selain golongan atasan untuk memiliki kereta import.

Secara kasarnya apa yang dapat dilihat adalah pensyarah- pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah lebih kepada penggunaan kereta import.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk :

- 1.3.1 Menenalpasti jenis kenderaan yang digunakan oleh pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- 1.3.2 Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan penggunaan kereta di kalangan pensyarah.
- 1.3.3 Menenalpasti persepsi pensyarah-pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terhadap penggunaan kereta import.
- 1.3.4 Menenalpasti persepsi pensyarah-pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terhadap penggunaan kereta nasional.

1.4 Kepentingan Kajian

Faktor utama kajian ini dijalankan adalah untuk menyelidiki faktor-faktor yang mempengaruhi pensyarah di Politeknik Sultan Salahuddin Aziz Shah dalam pemilihan kenderaan yang mereka gemari. Melalui kajian yang dijalankan pengkaji dapat mengetahui pandangan para pensyarah tentang pemilihan penggunaan kenderaan tersebut.

Di dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kepada persepsi para pensyarah terhadap penggunaan kereta yang digunakan sama ada kereta nasional ataupun kereta import. Melalui kajian yang dijalankan pengkaji dapat mengetahui pandangan para pensyarah dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mereka memiliki kereta sama ada kereta nasional mahupun kereta import.

Kajian ini juga dapat mendedahkan serta dapat menambahkan pengetahuan kepada pihak-pihak tertentu seperti para pensyarah itu sendiri, pengusaha dan peniaga tentang kepentingan penggunaan kereta nasional atau kereta import.

1.4.1 Pengkaji dan pensyarah

Sepertimana yang kita ketahui pensyarah merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam penggunaan kenderaan melalui pemilihan dan pembelian produk tersebut. Daripada kajian ini, pengkaji dan pensyarah dapat mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan sesuatu kenderaan tersebut.

1.4.2 Pengeluar/ Pembekal

Pengeluar atau pembekal industri automotif produk ialah orang yang bertanggungjawab mengeluarkan kenderaan. Kajian ini dapat membantu pengeluar dalam memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada pada produk mereka dan mempertingkatkan lagi produktiviti yang sedia ada terhadap produk keluaran mereka.

Dengan adanya kajian sebegini dapat membantu pihak pengeluar memastikan keinginan pengguna sekaligus memenuhi kehendak pengguna dan menitikberatkan kualiti barangan produk keluaran mereka.

1.4.3 Peniaga

Kajian ini dapat membantu peniaga dalam mengenalapasti strategi pemasaran yang perlu dilakukan untuk menarik minat pelanggannya terhadap kereta nasional. Antara strategi yang perlu diambil kira terdiri daripada faktor 4P iaitu produk, penetapan harga, kaedah promosi dan saluran agihan.

1.5 Batasan Kajian

1.5.1 Faktor Pendapatan

Pemasalahan yang ingin di kaji melalui faktor pendapatan adalah untuk mengetahui samada pensyarah memilih dan membeli kereta berdasarkan faktor ini.